

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI RABU : 11 DISEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 4, NO. 10 HINGGA NO. 50)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
[LARUT]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah strategik jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menangani kesan drastik terhadap industri sawit Malaysia susulan kenaikan cukai import 32 peratus oleh India dan pemotongan kadar levi eksport oleh Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha untuk memastikan industri sawit Malaysia kekal kompetitif dalam menghadapi cabaran global seperti kenaikan cukai import minyak sawit oleh India serta perubahan dalam dasar levi eksport oleh Indonesia. Langkah-langkah yang diambil adalah bersifat menyeluruh dan disesuaikan dengan perubahan situasi semasa.

INDIA: Kenaikan Cukai Import Minyak Sawit

2. Sebelum saya teruskan, saya ingin perjelaskan bahawa cukai import yang dimaksudkan adalah duti import efektif, terma yang digunapakai oleh Kerajaan India yang mana kadar tersebut telah dinaikkan kepada 27.50% berbanding 5.5% untuk minyak sawit mentah (MSM) manakala untuk minyak sawit terproses pula kepada 35.75% berbanding 13.75%. Duti import efektif merupakan duti import asas yang telah mengambilkira cukai lain seperti *Agricultural Infrastructure Development Cess* dan juga *Social Welfare Cess*.

3. Ia merupakan sebahagian daripada usaha India untuk melindungi harga minyak tempatan dan menyokong industri pertanian domestiknya. Namun begitu, berdasarkan pengalaman lalu, perubahan tarif ini biasanya bersifat sementara, dan kesannya terhadap import minyak sawit Malaysia hanya dalam jangka pendek. Sebagai pengimport minyak sawit terbesar dunia dengan populasi seramai **1.45 bilion**, India akan sentiasa memerlukan minyak sawit untuk memenuhi keperluan domestik negara tersebut.

4. Dari segi daya saing, walaupun kenaikan cukai ini memberi cabaran kepada harga minyak sawit Malaysia, Kementerian yakin bahawa impak ini bersifat sementara. Minyak sawit Malaysia kekal relevan di India kerana penggunaannya yang meluas serta kelebihanannya dari segi kualiti dan

kelestarian. Pengalaman terdahulu menunjukkan bahawa setelah berlaku perubahan tarif, India tetap terus mengimport minyak sawit untuk memenuhi permintaan dalam negara.

5. Malaysia mempunyai strategi jangka panjang melalui *ASEAN- India Free Trade Agreement (AIFTA)* dan *Malaysia-India Comprehensive Economic Cooperation Agreement (MICECA)* yang mengehendkan kenaikan cukai import India untuk MSM pada 37.5% dan minyak sawit terproses pada 45%. Sekiranya diperlukan, Malaysia juga boleh mempertimbangkan untuk mengecualikan duti eksport ke atas MSM sebagai satu langkah jangka panjang untuk mengekalkan daya saing.

6. Selain itu, Kementerian akan terus mempromosikan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di pasaran India. Ini kerana MSPO bukan sahaja menekankan aspek kualiti tetapi juga kelestarian, dan dapat menarik minat segmen pengguna yang lebih mementingkan mutu serta kelestarian berbanding perubahan harga. Segmen ini semakin berkembang, terutamanya dalam kalangan pengguna yang lebih muda dan mempunyai kesedaran tentang isu kelestarian dan kualiti barangan yang ditawarkan di pasaran.

INDONESIA: Pemotongan Levi Eksport

7. Perubahan kadar levi eksport oleh Indonesia turut memberi impak terhadap persaingan dalam pasaran global. Namun, Malaysia terus mengekalkan kedudukan dalam pasaran melalui pengeluaran dan eksport minyak sawit yang mampan dan berkualiti tinggi. Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian melalui agensinya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan terus memperkukuh daya saing industri melalui **penyelidikan dan pembangunan (R&D)**, serta penghasilan produk-produk nilai tambah tinggi seperti bioplastik dan biofuel untuk pasaran global.

8. Secara keseluruhannya, Kementerian percaya bahawa peningkatan tarif import di India dan pemotongan levi eksport oleh Indonesia adalah

sebahagian daripada perubahan biasa dalam perdagangan minyak sawit global. Kesannya ke atas daya saing minyak sawit Malaysia adalah sementara. Berdasarkan statistik dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), pada tempoh Januari hingga Oktober 2024, eksport minyak sawit ke India meningkat sebanyak 16.4% kepada 2.67 juta tan berbanding 2.29 juta tan direkodkan pada Januari hingga Oktober 2023 dalam keadaan di mana duti import India dan levi eksport Indonesia telah meningkat.

9. Strategi Kementerian untuk jangka masa panjang telah mengambil kira perubahan struktur cukai di negara pengimport dan dan juga negara pesaing tanpa memerlukan tindakan intervensi yang bersifat reaktif. Malaysia sentiasa kekal komited untuk memastikan industri sawit kita kekal berdaya saing melalui pelan jangka panjang yang kukuh, termasuk kerjasama perdagangan antarabangsa dan promosi produk yang lestari seperti MSPO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menaikkan elaun pelatih-pelatih IPG yang terpaksa tinggal di luar kampus atas faktor kekangan penginapan di dalam kampus dan terpaksa menampung kos tempat tinggal di luar kampus sehinggakan ada yang terpaksa bekerja sambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya semua pelajar IPGM layak duduk di asrama IPG kampus. Namun, akibat pertambahan pelajar yang pesat, IPG mengutamakan pelajar-pelajar baharu untuk tinggal di asrama manakala pelajar tahun akhir diberi kelonggaran untuk tinggal di luar kampus. Pelajar-pelajar tahun akhir yang aktif dalam aktiviti kampus juga diberikan keutamaan. Bilangan pelajar IPGM yang tinggal diluar adalah seramai 6337 orang.

Semua Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) diberikan Elaun Sara Hidup. Tiada perbezaan Elaun Sara Hidup yang tinggal di dalam asrama dan penginapan luar asrama.

Kenaikan Elaun Sara Hidup bagi pelajar PISMP telah diluluskan dan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan Madani Ketiga Tahun 2025 ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) pada 18 Oktober 2024 iaitu dari RM430 kepada RM530 sebulan mulai Januari 2025.

KPM prihatin dengan keperluan dan kebajikan pelajar IPG. Sehingga kini, terdapat lapan IPG Kampus yang telah memperoleh projek pembinaan bangunan baharu dan menaik taraf asrama pelajar di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-12. Manakala enam IPG Kampus lagi dalam proses penyelenggaraan asrama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta MENTERI
DIGITAL menyatakan secara terperinci berkenaan :**

- a) statistik usahawan perniagaan kecil, mikro dan sederhana yang telah berjaya mengadaptasi teknologi dan digital untuk perniagaan; dan
- b) cabaran yang dihadapi dan usaha rentas Kementerian yang dilaksanakan bagi mencapai kadar kejayaan adaptasi teknologi digital yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari bulan Januari 2021 sehingga September 2024, sejumlah 61,345 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) telah berjaya mendigitalisasikan operasi dan proses perniagaan mereka melalui program 100 *Go Digital* dengan objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kecekapan perniagaan, produktiviti, hasil jualan serta membantu PMKS bagi menjimatkan kos dan membuka peluang kepada sumber pertumbuhan baharu.
2. Berdasarkan kepada Kajian Pelan Tindakan Pendigitalan PMKS 2030 atau *National MSME Digitalisation Roadmap 2030* (NMD2030), didapati bahawa majoriti PMKS masih berada pada tahap awal kematangan digitalisasi. Hasil kajian NMD2030 yang telah dijalankan dari bulan Oktober 2023 sehingga November 2023, didapati bahawa 85 peratus perusahaan mikro, 62 peratus perusahaan kecil dan 44 peratus perusahaan sederhana masih berada pada Tahap 1 dan 2 dalam kematangan digitalisasi.
3. Berhubung isu cabaran, pada masa ini PMKS menghadapi masalah berhubung pembiayaan, bakat digital dan kesediaan infrastruktur dalam mendigitalkan perniagaan mereka. Sehubungan itu, usaha yang dijalankan bagi mengatasi cabaran ini adalah seperti program 100 *Go Digital*, Inisiatif Pendigitilan Perniagaan Bersepadu dan program Fasilitasi Ekonomi Perkongsian merentasi pelbagai Kementerian yang dilaksanakan bagi membantu PMKS untuk lebih mengadaptasi teknologi digital serta meningkatkan kecekapan dan daya saing mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI
(BERSARA) [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan data dan perancangan Kerajaan dalam menambah geran pertubuhan prihatin komuniti bagi meningkatkan tahap keselamatan dalam komuniti serta meningkatkan penglibatan pertubuhan dalam hal ehwal keselamatan komuniti setempat pada tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Program di bawah Geran Pertubuhan Prihatin Komuniti (GPPK) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah diluluskan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2023 di bawah **peruntukan khas Bajet 2023**. Program ini bertujuan membantu Persatuan Penduduk yang berdaftar dengan JPPM melaksanakan aktiviti kesukarelawanan bagi keselamatan komuniti setempat. Setiap pertubuhan menerima RM10,000 untuk pembelian peralatan keselamatan (maksimum RM5,000) dan program keselamatan komuniti yang melibatkan kerjasama dengan agensi keselamatan kerajaan yang melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM5,000 sahaja atau sehingga RM10,000.

Dengan peruntukan sebanyak RM20 juta yang diluluskan, GPPK mensasarkan 2000 pertubuhan berdaftar bagi kategori Sosial subkategori Persatuan Penduduk. Bagi tujuan tersebut, JPPM telah menerima sebanyak 2,226 permohonan dan meluluskan 2,000 permohonan.

Pada masa ini, Kerajaan telah memperkenalkan Program Sejahtera Komuniti Madani (SejaTi MADANI) melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) dengan dana sehingga RM100 ribu untuk memperkasakan komuniti dan merencanakan aktiviti ekonomi setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status kelulusan dana bagi SJKT Ladang Sungai Muar yang mohon dimasukkan dalam Belanjawan 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SJKT Ladang Sg Muar (JBD7068), Segamat, Johor merupakan sekolah bantuan kerajaan (SBK) satu (1) sesi yang mempunyai 6 bilik darjah, 6 kelas, 11 orang guru dan 40 orang murid.

Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] mentafsirkan SBK sebagai sekolah yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. KPM menyalurkan sumbangan bantuan bagi tujuan penyelenggaraan di premis SBK tertakluk kepada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan melalui belanjawan tahunan.

Bagi SJKT Ladang Sg Muar, pada tahun 2023 KPM telah menyalurkan sumbangan bantuan penyelenggaraan sebanyak RM50ribu dan pada tahun 2024 sebanyak RM80ribu pada tahun 2024. SJKT Ladang Sg Muar turut telah menerima sumbangan penyelenggaraan tandas sebanyak RM69,654 pada tahun 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mengambil maklum akan permohonan daripada Ahli Yang Berhormat Segamat bertarikh 16 Julai 2024. Pada dasarnya memandangkan SJKT Ladang Sungai Muar merupakan sebuah SBK, segala projek pembangunan adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab pemilik premis sekolah atau Lembaga Pengelola Sekolah sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan pengukuhan jaminan kualiti perkhidmatan feri yang beroperasi di Jeti Kuala Kedah agar lebih efisien dan di pandang tinggi oleh pesaing industri domestik dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) mengambil maklum akan kepentingan perkhidmatan feri di Kuala Kedah yang merupakan antara laluan utama ke Pulau Langkawi. Dalam usaha pengukuhan kualiti perkhidmatan feri di Kuala Kedah, tumpuan semasa MOT adalah dengan menambah baik infrastruktur dan fasiliti di terminal sedia ada. Kerja-kerja meroboh, membina dan menaik taraf terminal penumpang, kargo dan *Roll-on/Roll-off* (RORO) tersebut telahpun bermula sejak 1 April 2024 dengan anggaran peruntukan sebanyak RM245.5 juta oleh Kerajaan Persekutuan.

2. Melalui projek penaiktarafan ini, ia antara lain akan menangani isu-isu kesesakan di terminal selain gangguan perkhidmatan feri yang disebabkan oleh masalah pemendapan di kawasan tersebut. Skop projek juga adalah termasuk membina jejambat, menaik taraf jalan dan pembinaan tempat letak kereta bertingkat. Projek pengerukan alur pelayaran dengan anggaran kos RM21.8 juta juga sedang dilaksanakan bermula 26 Ogos 2024 untuk memastikan keselamatan operasi feri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah pelan tindakan promosi perpaduan negara dan muhibbah yang terkini dengan wajah baru yang lebih interaktif dan segar serta berapa jumlah peruntukan yang disediakan oleh pihak Kementerian dalam mempromosinya bagi lebih menarik golongan muda mengambil bahagian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).

2. Kementerian juga telah memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia Madani sebagai program andalan (*flagship*) yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional melalui pelaksanaan tiga (3) kluster program iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

3. Dalam hal ini, Kementerian sentiasa memberi tumpuan terhadap keperluan promosi dan publisiti bagi meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Ianya untuk memastikan setiap mesej perpaduan yang disampaikan dapat dicapai oleh semua golongan masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi.

4. Aktiviti promosi Kementerian ini melibatkan semua jaringan media iaitu media perdana, media cetak, media sosial, dan media alternatif. Antara contoh kerjasama yang telah dilakukan adalah seperti:

- I. Media Perdana – berita khas, iklan perayaan, sesi dialog, dan temubual khas di platform Astro AWANI, TV3, RTM, TVS dan BERNAMA.
- II. Media Cetak - perkongsian mengenai inisiatif, program dan pencapaian utama Kementerian di platform akhbar Berita Harian, New Straits Times, The Star, Sinar Harian, Utusan Malaysia dan sebagainya.

III. Media Alternatif – kerjasama dengan platform media seperti Free Malaysia Today, OMM Media, Info On Wheels Jabatan Penerangan, serta AEON TV bagi mempromosikan program-program perpaduan.

5. Bagi promosi media sosial, Kementerian turut melibatkan pengengaruh atau *influencer* dan selebriti untuk menyampaikan mesej perpaduan selain promosi program yang dilaksanakan oleh Kementerian. Antaranya Derick Gan, YB Tik Tok, The Davids, Azmil Combat, Faizal Tahir, Dayang Nurfaizah, Zubir Khan dan lain-lain. Bagi promosi sempena Sambutan Minggu Perpaduan pula, Kementerian telah melibatkan 28 orang pengengaruh melalui kerjasama bersama Oh My Media yang merekodkan 3.2 juta tontonan di media sosial.

6. Sebagai pendekatan baharu dalam menarik minat golongan muda, Kementerian juga turut melaksanakan kempen, podcast dan dokumentari, antaranya:

- I. Kempen Cakap Baik-Baik (di platform media sosial dan BERNAMA TV)
- II. Kempen Malaysiaku Merdeka
- III. Kempen Kibaran Jiwa Merdeka (sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia)
- IV. Podcast Pojok Muzium oleh Jabatan Muzium Malaysia
- V. Dokumentari Jejak Harmoni oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (akan disiarkan di RTM)
- VI. Podcast Bicara Harmoni oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

7. Bagi tahun ini sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian bagi mempromosikan agenda perpaduan melalui 13 saluran media perdana dan pelbagai saluran media alternatif. Peruntukan ini digunakan untuk mempromosikan semua program yang dilaksanakan oleh Kementerian termasuk tujuh (7) agensi di bawahnya. Antara program utama yang telah dipromosikan adalah Sambutan Minggu Perpaduan 2024, Inisiatif

NO SOALAN : 15

Harmoni Madani, Liga Sukan Uniti, Karnival Baca Perdana, Citra Nusa@Muzium, Bicara Bahasa Kolokial, Inisiatif Pemerkasaan KRT Progresif, dan Misi Sukarelawan Siswa.

8. Pelan tindakan media di Kementerian sentiasa bergerak seiring peredaran zaman dan masa terkini dengan melibatkan pelbagai pihak dan pemegang taruh antaranya adalah NGOs, orang berpengaruh, pemimpin setempat, komuniti dan sebagainya melalui penerbitan kapsul video, podcast, dokumentari, drama pendek dan iklan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN
BIN ABAS [MERSING]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta
MENTERI DIGITAL menyatakan :**

- a) status terkini mengenai pembangunan pusat data di Johor; dan
- b) usaha yang dilaksana bagi meningkatkan tahap keberkesanan ekosistem pusat data negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga bulan Ogos 2024, secara keseluruhannya, sebanyak 38 buah pusat data sudah beroperasi dan 19 buah pusat data lagi sedang dalam pembinaan di seluruh Malaysia.
2. Perincian senarai pusat data yang sudah beroperasi dan dalam pembinaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

(a) Pusat Data yang telah beroperasi:

- i. Kuala Lumpur – 4;
- ii. Selangor – 21;
- iii. Kedah – 1;
- iv. Penang – 1;
- v. Johor – 10; dan
- vi. Sarawak – 1.

(b) Pusat Data yang sedang dalam pembinaan:

- i. Kuala Lumpur – 2;
- ii. Selangor – 7;
- iii. Negeri Sembilan – 1;
- iv. Kedah – 1;
- v. Penang – 1; dan
- vi. Johor – 7.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Johor, Kerajaan Johor kini sedang meneliti 36 permohonan bagi pembangunan infrastruktur pusat data di negeri tersebut.
4. Pembangunan pusat data di Johor yang dirancang melibatkan penyediaan infrastruktur pusat data, pembangunan ekosistem sokongan pusat data, seperti sistem pendinginan dan komponen dan menarik pelaburan strategik dalam teknologi kecerdasan

buatan (AI), pengkomputeran awan dan data raya (*big data*) bagi memperkukuhkan kedudukan Johor sebagai hab teknologi yang maju.

5. Bagi meningkatkan tahap keberkesanan ekosistem pusat data negara, Kementerian ini juga sedang dalam perancangan untuk membangunkan Kerangka Pembangunan Industri Pusat Data Mampan di Malaysia, yang merangkumi garis panduan kelestarian seperti kecekapan tenaga, air serta akses kepada tenaga boleh diperbaharui. Pusat data yang memenuhi kriteria ini adalah berpotensi untuk dikategorikan sebagai “pusat data hijau”.
6. Di samping itu, kerjasama dengan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam Projek Penanda Aras Keamatan Tenaga Bangunan atau *Building Energy Intensity* (BEI) sedang diadakan bagi meningkatkan kesedaran tentang pembangunan Pelabelan BEI dan penetapan piawaian kecekapan tenaga.
7. Pada masa yang sama, Kementerian turut menyumbang kepada pembangunan Garis Panduan Kelestarian Pusat Data (*Guideline for Sustainable Data Centre*) bersama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) serta Garis Panduan Perancangan (GPP) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) bagi keseragaman dan kemudahan proses kelulusan pusat data di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan jangka pendek dan panjang Kerajaan dalam usaha menambah baik dan meluaskan KLIA1 bagi menampung keperluan peningkatan jumlah penumpang dan memperkukuh kedudukan KLIA1 sebagai hab penerbangan serantau serta antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan kapasiti terminal penumpang khususnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Terminal 1 (KLIA T1) antara lain bagi meningkatkan keselesaan penumpang, mengatasi isu kesesakan di lapangan terbang dan memenuhi permintaan peningkatan penumpang pada masa hadapan.

Pelan Penyelesaian Jangka Pendek

2. Untuk penyelesaian jangka pendek, MAHB telah mula melaksanakan *optimization initiative* bagi tujuan meningkatkan kapasiti terminal KLIA T1 yang pada masa ini mempunyai kapasiti 30 juta penumpang setahun (*million passenger per annum – mppa*), dengan jangkaan ia dapat dicapai menjelang akhir tahun ini. Antara langkah yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. *relocation of new airlines* dari KLIA T1 ke KLIA Terminal 2 (KLIA T2);
- b. *self service check-in kiosk*;
- c. *self-service bag drop*;
- d. cadangan penambahan 20 autogate baharu (10 di KLIA T1 dan 10 di KLIA T2 oleh JIM/ KDN);
- e. *kerbside traffic management*; dan
- f. pengurusan pekerja asing (*foreign worker management*).

3. MAHB turut bercadang melantik juruperunding untuk meneliti Pelan Optimization KLIA T1 terutamanya setiap kemudahan pemprosesan penumpang dan sejurusnya mengenal pasti kebolehan sebarang kapasiti tambahan bagi memenuhi keperluan jangka pendek.

Pelan Penyelesaian Jangka Panjang

4. Manakala, bagi pelan penyelesaian jangka panjang, pihak MAHB sedang meneliti beberapa opsyen untuk melaksanakan projek pembesaran terminal berdasarkan hasil kajian pelan induk KLIA 2020 (KLIA Masterplan) yang dilaksanakan oleh MAHB sebelum ini.

5. Cadangan ini antara lain melibatkan peningkatan kapasiti KLIA T1 daripada 30 juta penumpang setahun (*million passenger per annum – mppa*) kepada 59 mppa, serta peningkatan kapasiti KLIA T2 daripada 45 mppa kepada 67 mppa, termasuk juga pertimbangan untuk mewujudkan landasan ke-4 serta T3 (Terminal 3 yang baharu) di KLIA pada masa akan datang.

6. Berdasarkan perancangan jangka panjang ini, kapasiti sedia ada di KLIA T1 dan KLIA T2 iaitu sebanyak 75 mppa pada masa ini, boleh ditingkatkan sehingga 140 mppa pada masa hadapan melalui pelaksanaan projek naik taraf KLIA secara berfasa. Pada masa yang sama, jumlah pergerakan pesawat turut boleh ditingkatkan daripada 108 pergerakan pesawat sejam kepada 154 pergerakan pesawat sejam.

7. Pada masa yang sama, pihak MAHB turut bercadang untuk membina *Private Premium Terminal (PPT)* yang merupakan terminal khas berbayar bagi penumpang yang ingin mendapatkan perkhidmatan bertaraf premium di lapangan terbang. Terminal ini akan dilengkapi dengan kemudahan daftar masuk imigresen dan kastam, serta boleh menempatkan seramai 100 orang pengguna pada satu-satu masa. Projek ini masih dalam peringkat perancangan dan dijangka akan bermula pada tahun 2025.

8. Selian itu, pihak MAHB turut mempunyai perancangan untuk membina Terminal Haji dan Umrah dengan kapasiti 5 mppa yang khusus bagi penumpang yang akan mengerjakan haji dan umrah. Dengan pembinaan terminal ini, pemeriksaan imigresen oleh Kerajaan Arab Saudi akan dilaksanakan di KLIA (*pre-clearance*) seterusnya akan menjimatkan masa penumpang menunggu di mana-mana lapangan terbang termasuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz, Jeddah, Arab Saudi.

NO SOALAN : 17

9. Walau bagaimanapun, cadangan pembangunan ini hanya boleh dilaksanakan oleh MAHB tertakluk kepada kelulusan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk memberikan kemudahan *pre-clearance* tersebut.

10. Secara keseluruhannya, pelan penyelesaian jangka panjang oleh MAHB ini masih dalam peringkat konsep dan memerlukan penelitian lanjut oleh MAHB sebelum ia dapat dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN (PADANG SERAI) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pengapungan harga minyak diesel yang dilakukan selaras atau mengikut turun naik harga minyak dunia yang ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pelaksanaan penyasaran semula subsidi diesel mulai 10 Jun 2024, penetapan harga runcit diesel secara mingguan dilaksanakan melalui kaedah apungan terkawal (*managed float*) berdasarkan pengiraan dengan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) dan juga bagi menyokong kestabilan harga. Kos produk bagi petrol dan diesel yang digunakan dalam pengiraan tersebut adalah berdasarkan harga purata seminggu produk bahan api yang telah diproses (*refined fuel products*) dan mengambil kira kadar purata tukaran matawang US Dolar berbanding Ringgit Malaysia.
2. Ini bermaksud penetapan harga runcit diesel secara apungan terkawal tersebut tidak hanya merujuk kepada purata harga minyak mentah dunia semasa. Selaras dengan pergerakan harga pasaran berdasarkan APM, harga runcit diesel telah dikurangkan 40 sen daripada 3 ringgit 35 sen seliter kepada harga sekarang iaitu 2 ringgit 95 sen seliter.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa setiap tahun ada pelajar-pelajar cemerlang STPM yang mendapat A dalam semua mata pelajaran dengan CGPA 4.0 tetapi tidak ditawarkan kursus pilihan pertama mereka. Adakah Kementerian mengamalkan sistem kuota kemasukan kepada sesuatu kursus terutamanya kursus-kursus profesional membezakan pelajar-pelajar daripada aliran Matrikulasi dan aliran STPM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin menjelaskan bahawa bagi memastikan setiap pemohon yang layak mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk mendapat tempat pengajian, UPUOnline® membenarkan calon membuat sehingga maksimum 12 pilihan program pengajian berdasarkan kelayakan mereka.

2. **Penawaran, hanya akan diberikan berdasarkan pilihan yang dibuat oleh calon sahaja.** Dalam hal ini, persaingan dalam kalangan calon merangkumi aspek **pencapaian akademik, perakuan temu duga dan/atau ujian, bilangan tempat yang terhad dan keutamaan pilihan calon.** Oleh itu, mengambil kira aspek-aspek ini, sudah pasti akan terdapat calon tidak mendapat pilihan pertama.

3. Berhubung perkara ini, calon-calon cemerlang STPM/ Setaraf yang memperoleh PNGK 4.00 dan memohon pada **Sesi Akademik 2022/2023** adalah **seramai 4,304 orang**, pada **Sesi Akademik 2023/2024** seramai **4,318 orang** dan pada **Sesi Akademik 2023/2024** adalah seramai **4,318 orang**. Daripada jumlah tersebut, **semua calon cemerlang dengan PNGK 4.00 ini telah ditawarkan tempat pengajian dalam pilihan mereka.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana penglibatan guru-guru dan pemegang taruh sektor pendidikan dalam pembangunan dan pelaksanaan Kurikulum 2027 serta sejauh mana integrasi pembelajaran dalam bidang STEM diperkasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah proaktif dengan melibatkan guru dan pemegang taruh sektor pendidikan dalam pembangunan dan pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru merupakan individu yang paling dekat dengan murid, maka pandangan mereka sangat penting dalam memastikan kurikulum memenuhi keperluan sebenar pembelajaran di bilik darjah. Selain itu, guru termasuk pemimpin sekolah dilibatkan bagi mendapatkan pandangan dan cadangan berkaitan kurikulum sedia ada dan keperluan kurikulum baharu. Pelibatan mereka melalui sesi libat urus, tinjauan dan kajian memberi banyak maklumat yang boleh dijadikan input seperti pelaksanaan kurikulum di sekolah, latihan profesional untuk memahami perubahan dan inovasi dalam kurikulum baharu.

Guru dan pensyarah cemerlang juga dilibatkan dalam proses pemetaan dan penulisan Kurikulum Persekolahan 2027 bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kandungan serta kebolehlaksanaan mata pelajaran. Kepakaran guru dan pentadbir juga digunakan untuk menguji rintis draf dokumen yang disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang taruh sektor pendidikan seperti pihak universiti awam dan swasta, industri, badan-badan bukan kerajaan, bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan ibu bapa turut dilibatkan dalam sesi libat urus. Pelibatan mereka penting bagi mendapatkan suara dan buah fikiran yang boleh dijadikan input bagi memastikan dasar-dasar pendidikan selaras dengan matlamat negara dan global seperti Pembangunan Lestari Mapan (SDG), teknologi dan digital serta TVET. Pelibatan ini dapat meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap kurikulum serta memastikan kurikulum relevan dengan keperluan pekerjaan masa depan.

Pelaksanaan pendidikan STEM adalah langkah penting ke arah mempersiapkan murid dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Melalui pengintegrasian pembelajaran bidang STEM dan bukan STEM, yang tidak terhad kepada kesepaduan empat disiplin ilmu ini semata-mata, pemahaman murid terhadap konsep STEM akan dapat dipertingkatkan sekaligus memupuk kemahiran penting seperti pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kreativiti, iaitu apabila pengalaman pembelajaran murid tidak terhad kepada kesepaduan empat disiplin ilmu semata-mata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK
[JELI]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan Indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini. Apakah jenis program yang efektif, yang telah dirancang oleh Kementerian untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negeri ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara telah menggubal Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang merupakan dasar payung bagi meningkatkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Dasar ini digubal berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai teras utama.

2. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) merupakan satu-satunya indeks pengukuran tahap perpaduan yang boleh digunapakai oleh kerajaan Malaysia bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia. Ukuran nilai indeks ini membolehkan Kerajaan mengenal pasti dan merancang usaha-usaha dan program-program intervensi yang berkaitan.

3. Skor Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2018 ialah 0.567, manakala Skor Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2022 ialah 0.629.

4. Skala ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu tahap perpaduan lemah (0.0-0.24), tahap perpaduan rendah (0.25-0.49), tahap perpaduan sederhana (0.50-0.74) dan tahap perpaduan tinggi (0.75-1.0). Skor IPNas 2022 menunjukkan bahawa situasi perpaduan negara berada pada tahap sederhana dan terkawal.

5. Kesepaduan Sosial dijadikan sebagai komponen asas kepada pengukuran untuk menggambarkan tahap perpaduan dalam pembangunan indeks ini. Melalui kajian IPNas 2022, empat (4) indikator mempengaruhi tahap kesepaduan sosial iaitu:

I. Tahap Keetnikan

Kecenderungan terhadap keterikatan identiti dan jati diri kumpulan etnik masing-masing.

- II. Hubungan Sosial Rentas Etnik
Jalinan hubungan sosial yang berlaku merentasi etnik.
- III. Etos Bangsa (Jati Diri)
Keterikatan emosi dan sejarah sosial yang dikongsi bersama dalam Perlembagaan
- IV. Tadbir Urus dan Pembangunan
Pelaksanaan proses mengurus dan membangun negara oleh pihak yang berkuasa.

6. Di antara keempat-empat indikator yang diuji dalam mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan ini, Tadbir Urus dan Pembangunan didapati paling penting dalam meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia (skor 0.328). Oleh itu, inisiatif berhubung konstruk ini harus diteruskan dan ditambahbaik bagi meningkatkan Indeks Perpaduan Nasional.

7. Kajian IPNas seterusnya akan dilaksanakan pada tahun hadapan dengan target skor meningkat kepada 0.7.

Tuan Yang DiPertua,

8. Berdasarkan kepada hasil kajian IPNas pada tahun 2022, Kementerian telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara.

9. Dalam hal ini, Kementerian telah memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia Madani sebagai program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional melalui pelaksanaan tiga (3) kluster program iaitu:

- I. Semarak Kenegaraan

Ia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara. Antara program-program utama adalah seperti:

- i. Debat Perpaduan;
- ii. Lafaz Ikrar Rukun Negara di Parlimen Malaysia;
- iii. Eksplorasi Rukun Negara;
- iv. Pertandingan Mural Rukun Negara Peringkat Sekolah;
- v. Program Raja Kita Payung Kita;
- vi. Program Jalinan Integrasi Mahasiswa;
- vii. Ejen Perpaduan; dan
- viii. Kem Perpaduan Anak Malaysia.

II. Semarak Perpaduan

Pelaksanaannya bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Antara program-program utama adalah seperti:

- i. Sambutan Minggu Perpaduan;
- ii. Liga Sukan UNITI;
- iii. Foodunites: Ini Warisan Kita;
- iv. Inisiatif Harmoni MADANI;
- v. Citra Nusa Muzium;
- vi. Karnival Baca Perdana; dan
- vii. Misi Sukarelawan Siswa.

III. Komuniti Rahmah

Program-program yang dirangka khusus bagi membina komuniti yang mampan dan sejahtera). Antara program-program utama adalah seperti:

- i. Pemerksaan KRT Progresif yang melibatkan 152 buah KRT terpilih sebagai Model Komuniti Progresif;

- ii. Pemerksaan Mediator Komuniti yang terdiri daripada 571 Mediator Komuniti;
- iii. Tuisyen KAMI; dan
- iv. Biasiswa Tunku Abdul Rahman.

10. Sepanjang tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara bersama agensi-agensi di bawahnya serta rakan-rakan strategik telah berjaya melaksanakan lebih 300 program meliputi tiga (3) kluster seperti yang dinyatakan tadi.

11. Pelaksanaan program-program di bawah Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini dilihat telah memberikan impak positif di dalam memupuk perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama, budaya dan adat resam. Ia juga selari dengan prinsip asas integrasi nasional yang menekankan konsep FAHAM, HORMAT dan TERIMA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN (PUTRAJAYA) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan kenaikan kadar cukai perkhidmatan dan peluasan skop perkhidmatan bercukai bermula pada 1 Mac 2024 serta kenaikan harga diesel pada 10 Jun 2024 terhadap kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan kadar cukai perkhidmatan dan peluasan skop kenaaan cukai perkhidmatan yang telah berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024 lebih menumpukan kepada aktiviti berkaitan perkhidmatan kemahuan (*discretionary*) dan penyediaan perkhidmatan antara perniagaan (*business to business – B2B*) yang tidak melibatkan isi rumah secara langsung.
2. Langkah cukai tersebut tidak meliputi perkhidmatan yang menjadi keperluan asas dan sebahagian daripada gaya hidup rakyat di Malaysia. Dalam hal ini, perkhidmatan yang banyak digunakan oleh rakyat seperti penyediaan makanan dan minuman (F&B), telekomunikasi dan parkir kenderaan kekal dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6%. Walaupun perkhidmatan logistik turut tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%, kemudahan pengecualian cukai perkhidmatan antara perniagaan (B2B) telah diberikan di mana penyedia perkhidmatan logistik tidak perlu membayar cukai perkhidmatan ke atas perolehan komponen perkhidmatan logistik yang sama. Selain itu, perkhidmatan logistik bagi aktiviti bersifat penghantaran *door-to-door* serta penghantaran makanan dan minuman melalui platform e-dagang juga dikecualikan daripada kenaaan cukai perkhidmatan.
3. Pada 10 Jun 2024, Kerajaan telah melaksanakan penyasaran semula subsidi diesel yang melibatkan kenaikan harga diesel di stesen minyak di Semenanjung Malaysia melalui pendekatan apungan harga terkawal. Walau bagaimanapun, bagi memastikan majoriti rakyat khususnya golongan rentan tidak terkesan dengan kenaikan harga tersebut, Kerajaan telah menyediakan bantuan tunai kepada pemilik kenderaan diesel kategori individu dan petani berskala kecil. Bagi maksud ini, bantuan tunai BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan atau RM2,400 setahun disediakan untuk golongan petani, pekebun kecil serta pemilik kenderaan diesel persendirian berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan.

Sehingga 31 Oktober 2024, lebih 140,000 penerima BUDI Individu dan 65,000 penerima BUDI Agri-Komoditi telah diluluskan dalam tempoh 5 bulan pelaksanaan (sejak Jun 2024) dengan jumlah bayaran sebanyak RM160 juta.

4. Di samping itu, subsidi khusus turut disediakan kepada sektor logistik di mana Kerajaan telah mensasarkan 23 jenis kenderaan diesel pengangkutan barangan darat melalui pelaksanaan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah *fleet card*. Melalui sistem ini, syarikat pengangkutan barangan darat yang diluluskan layak mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter. Selain itu, sektor pengangkutan awam dan nelayan masih dapat membeli diesel masing-masing pada harga RM1.88 sen seliter dan RM1.65 sen seliter.
5. Dengan pelaksanaan langkah mitigasi kenaikan harga produk diesel tersebut, kadar inflasi negara kekal terkawal di mana kadar peningkatan *Consumer Price Index* (CPI) secara bulanan adalah stabil iaitu 2.0% pada bulan Julai 2024, 1.9% pada Ogos 2024, 1.8% pada September 2024 dan 1.9% pada Oktober 2024. Bagi keseluruhan tahun 2024, kadar inflasi dijangka kekal terkawal iaitu antara 1.5% hingga 2.5%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan terdapat banyak aduan berkenaan pasangan bukan warganegara yang mengalami masalah untuk mendapatkan kelulusan permit masuk dan pas residen walaupun mereka telah lama tinggal di Malaysia. Masalah ini sedikit sebanyak mengganggu kehidupan seharian mereka. Apakah perancangan Kerajaan untuk membantu mereka menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permit Masuk merupakan kemudahan imigresen yang dikeluarkan kepada warga asing untuk tinggal dan berada di Malaysia berdasarkan Seksyen 10 Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Merujuk kepada persoalan utama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, kelayakan bagi permohonan Permit Masuk untuk kategori pasangan kepada warganegara adalah berdasarkan kepada garis panduan sedia ada seperti berikut:

- i) pemohon perlu mempunyai Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang Pasangan kepada warganegara untuk tempoh melebihi lima (5) tahun;
- ii) pemohon perlu mendaftar perkahwinan di Malaysia;
- iii) pemohon perlu melepasi tapisan keselamatan (halus) daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan bebas daripada Senarai Syak / Senarai Hitam Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
- iv) pemohon perlu melalui sesi temuduga dan naziran bagi memastikan perkahwinan benar-benar wujud dan teratur.

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 1 Mac 2024 telah menambah baik pertimbangan bagi setiap penilaian Permit Masuk melalui kaedah pertimbangan Sistem Mata kepada setiap permohonan. Penilaian Sistem Mata bersifat komprehensif melibatkan 10 elemen penilaian seperti berikut:

- i) Umur;
- ii) Akademik;
- iii) Bahasa Melayu;
- iv) Tempoh keberadaan;
- v) Tempoh perkahwinan;
- vi) Hubungan kekeluargaan;
- vii) Perakuan kepakaran;
- viii) Pelaburan;

- ix) Penerbitan; dan
- x) Tapisan Keselamatan.

Semua permohonan dinilai secara adil dan saksama. Setiap penilaian turut diterangkan secara terperinci setiap kali sesi penilaian dilaksanakan bersama pemohon dan penaja. Apabila permohonan Permit Masuk ditolak oleh Jabatan Imigresen Malaysia, pemohon boleh mengemukakan rayuan kepada YB Menteri Dalam Negeri dengan mengemukakan alasan dan justifikasi yang lengkap bagi menyokong rayuan berkenaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat penolakan, seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 10(3) Akta Imigresen 1959/63.

Merujuk kepada perihal berkenaan Pas Residen, Peraturan 16A, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 menjelaskan bahawa Pas Residen yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia membolehkan pemegangnya untuk tinggal dan berada dalam Negara untuk tempoh lima (5) tahun yang merangkumi kategori seperti berikut:

- i) individu berprestasi tinggi dan berkemahiran;
- ii) diaspora Malaysia yang berprestasi tinggi dan berkemahiran;
- iii) pemohon yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan warganegara Malaysia;
- iv) pemohon yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan Pemastautin Tetap Malaysia; dan
- v) warganegara Malaysia yang telah menyerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia secara sukarela.

Semua pemegang Pas Residen dibenarkan untuk belajar, bekerja atau menjalankan aktiviti perniagaan tanpa perlu memohon atau menukar kepada pas-pas lain. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) turut sedang mengaplikasikan kaedah penilaian Sistem Mata kepada pertimbangan Pas Residen bagi memastikan penilaian permohonan secara komprehensif dan menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rambai Jasin - Sungai Kesang yang telah melebihi enam tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandar Jasin & RTB Lembangan Sungai Kesang di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

2. RTB Bandar Jasin diluluskan di bawah RMKe-11 dengan kos keseluruhan sebanyak RM60 juta. Kerja-kerja fizikal telah mula dilaksanakan pada Ogos 2022 melibatkan komponen utama seperti menaiktaraf sungai, membina ban banjir dan menaiktaraf sistem perparitan. Kemajuan semasa di tapak adalah 45% dan berdasarkan perancangan, projek akan siap sepenuhnya pada Ogos 2025. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 6,000 penduduk dengan kawasan seluas 1,000 hektar akan dilindungi daripada risiko bencana banjir.

3. Manakala RTB Lembangan Sungai Kesang pula diluluskan di bawah RMKe-11 dengan kos keseluruhan sebanyak RM126.7 juta. Kerja-kerja fizikal telah mula dilaksanakan pada Ogos 2023 melibatkan komponen seperti membina lencongan banjir, menaiktaraf sungai dan membina ban banjir. Kemajuan semasa di tapak adalah 17% dan berdasarkan perancangan, projek akan siap sepenuhnya pada Ogos 2026. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 12,900 penduduk termasuklah di kawasan Sungai Rambai dengan kawasan seluas 5,550 hektar akan dilindungi daripada risiko bencana banjir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah strategik yang sedang dan akan diambil bagi menangani kekurangan guru terlatih, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman, serta sasaran Kementerian dalam merapatkan jurang nisbah guru-pelajar antara sekolah bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu kekurangan guru di sekolah KPM seluruh negara, terutamanya bagi opsyen mata pelajaran yang kritikal.

KPM sentiasa mempertingkatkan sinergi dan kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Melantik (Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan) serta agensi pusat yang berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

Dalam menangani isu kekurangan guru, beberapa kaedah dipersetujui dan dilaksanakan untuk membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru. Bagi langkah jangka pendek dan sederhana KPM sedang melaksanakan tindakan seperti berikut:

- i. pengambilan guru dilaksanakan menggunakan kluster mata pelajaran;
- ii. pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara;
- iii. pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun di IPGM; dan
- iv. pelaksanaan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan selama secara setahun sepenuh masa kepada graduan tanpa pendidikan bermula tahun 2024.

Bagi langkah jangka panjang pula, KPM melaksanakan tindakan, iaitu:

- i. pengambilan calon guru bagi Program Praperkhidmatan PISMP lepasan STPM, STAM dan Program Matrikulasi dalam beberapa bidang pengkhususan untuk keperluan guru sekolah rendah bermula tahun 2024; dan
- ii. penubuhan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan untuk mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program, dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2024, statistik jumlah pengisian guru adalah seramai 416,260 orang dan peratus pengisian adalah sebanyak 96.18 peratus. Pada tarikh tersebut juga, seramai 13,749 orang guru baharu telah ditempatkan bagi mengisi perjawatan di sekolah rendah dan menengah seluruh negara.

Nisbah guru murid adalah berdasarkan penempatan murid di sesebuah negeri, daerah dan sekolah. Berdasarkan data semasa, nisbah guru murid bandar dan luar bandar adalah seperti berikut, iaitu bandar adalah 1:12.5, dan luar bandar adalah 1:9.5. KPM sentiasa memantau penempatan guru bagi memastikan nisbah guru murid di bandar dan luar bandar berada dalam keadaan seimbang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) perincian dan definisi bagi mengkategorikan kesalahan 3R; dan
- (b) apakah jaminan Kerajaan bahawa undang-undang ini dikuatkuasakan secara adil dan bukannya untuk menyekat peranan Pembangkang dalam sistem demokrasi berparlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, perincian berkaitan kesalahan-kesalahan yang melibatkan isu 3R, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM berpandukan kepada undang-undang seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Akta Hasutan 1948

Di bawah Akta Hasutan 1948 (Akta 15), sebarang perbuatan atau kenyataan yang mempunyai kecenderungan menghasut merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 4 dan seksyen 3 (1), Akta yang sama telah menyenaraikan perkara yang dikategorikan sebagai kecenderungan menghasut seperti:

- i) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;
- ii) bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;
- iii) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;
- iv) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;

- v) bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
- vi) bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau *prerogative* yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, seksyen 3(2) akta yang sama telah diberi **limitasi** bahawa sesuatu perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain **tidak boleh disifatkan sebagai menghasut** seperti mana yang termaktub di bawah Akta Hasutan 1948 bagi perkara-perkara berikut:

- i) bagi menunjukkan bahawa mana-mana Raja telah dikelirukan atau tersilap dalam apa-apa langkah yang diambil olehnya;
- ii) bagi menunjukkan kesilapan atau kecacatan dalam mana-mana Kerajaan atau perlembagaan sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang atau dalam pentadbiran keadilan dengan tujuan hendak membetulkan kesilapan itu;
- iii) bagi meyakinkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya untuk mendapatkan perubahan dengan cara yang sah, apa-apa perkara di dalam wilayah Kerajaan itu sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang; atau
- iv) bagi menunjukkan, dengan tujuan hendak menghapuskannya, apa-apa perkara yang menimbulkan atau yang mempunyai kecenderungan untuk menimbulkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Persekutuan.

Kanun Keseksaan

Seterusnya sebarang perbuatan atau perkataan yang boleh mencetuskan ketidakharmonian agama akan disiasat dalam konteks seksyen 298, Kanun Keseksaan (kesalahan berkaitan dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan agama seseorang) dan seksyen 298A, Kanun Keseksaan (kesalahan atas alasan agama yang boleh menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau permusuhan, benci membenci atau niat atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni).

Selain daripada itu, seksyen 505 Kanun Keseksaan telah memperuntukkan kesalahan bagi kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam. Secara spesifik, **seksyen 505(c) Kanun Keseksaan** adalah berkaitan kenyataan yang mendatangkan khianat awam dengan niat hendak mengapikan atau mungkin mengapikan **mana-mana golongan atau kaum** melakukan sesuatu kesalahan terhadap mana-mana golongan atau kaum lain.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula, seksyen 211 iaitu larangan terhadap pemberian kandungan jelik dan seksyen 233 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian boleh diambil terhadap pihak yang menyalahgunakan internet sekiranya menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik.

Ini bermakna, apa-apa jua perbuatan, kenyataan, hantaran, ucapan, penerbitan dan seumpamanya yang bertentangan dengan undang-undang yang dinyatakan di atas adalah tidak dibenarkan jika ia menyentuh isu-isu 3R dan siasatan boleh dijalankan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada seperti yang telah dinyatakan.

NO SOALAN : 26

Bagi soalan kedua, Kementerian Dalam Negeri ingin memberikan jaminan bahawa semua kes 3R yang disiasat oleh PDRM adalah *without fear and favour* serta tanpa mengira latar belakang pegangan politik.

Saya juga telah memberikan kebebasan sepenuhnya kepada PDRM untuk menjalankan siasatan dengan telus dan tanpa gangguan. Justeru, ingin saya ingatkan kepada semua pihak agar tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang menyentuh elemen berkaitan 3R.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab tiada tindakan undang-undang dikenakan terhadap timbalan presiden PAS dalam nombor repot polis KEPONG/011989/24 tentang dakwaan beliau bahawa "Orang Cina cakap Cina akan timbul buruk sangka".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis bersabit Kepong/011989/24 di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sebagaimana yang diberikan kuasa di dalam undang - undang. Kertas siasatan kes ini telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) perancangan terperinci Kerajaan bagi memperkukuh kawalan keselamatan sempadan laut negara menerusi ESSCOM; dan
- (b) sejauh manakah perancangan Kementerian dari segi pengukuhan keupayaan aset serta aspek penguatkuasaan dalam mendepani ancaman keselamatan sempadan baharu yang semakin canggih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa komited untuk memastikan situasi keselamatan sempadan maritim mahupun daratan khususnya di kawasan Zon Selamat Sabah Timur (ESS Zone) sentiasa terpelihara dan terkawal. Susulan itu, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) sebagai peneraju dan koordinator operasi pasukan keselamatan di ESS Zone telah mengatur pelbagai tindakan proaktif dengan keutamaan untuk mengekang pencerobohan anasir asing ke wilayah ini.

ESSCOM juga giat melaksanakan sinergi bersama jabatan/agensi penguatkuasaan dan keselamatan lain seperti Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan melaksanakan operasi bersepadu bagi membendung elemen jenayah rentas sempadan melibatkan penyeludupan barang kawalan, bersubsidi dan tanpa cukai, penguatkuasaan terhadap koloni setingan/ struktur haram atas laut serta kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Operasi (Op) SANGGAH juga telah diaktifkan sejak dari penubuhan ESSCOM pada tahun 2013 untuk mengkoordinasi operasi secara bersepadu dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta jabatan/agensi penguatkuasaan dan keselamatan meliputi seluruh daerah ESS Zone. Justeru, beberapa siri Op BERSEPADU dan Op GASAK Laut dikoordinasikan di semua daerah dalam ESS Zone sebagai tindakan penguatkuasaan undang-undang di samping mengekang elemen jenayah rentas sempadan melibatkan penyeludupan barang dan PATI yang boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam khususnya di Sabah.

Seterusnya, ESSCOM selaku penyelaras kepada perancangan operasi pencegahan dan kawalan keselamatan di sempadan negara seperti yang berikut:

- i. Operasi Pusat Pemeriksaan Darat atau Road Check Point (RCP)

NO SOALAN : 28

Kalabakan dan Sapi Nangoh, Beluran di laluan utama menghubungkan kawasan pantai Timur dan Barat Sabah bagi membasmi aktiviti penyeludupan dan penyusupan PATI di kawasan daratan ESS Zone;

- ii. Operasi Pangkalan Pemeriksaan di Laut atau Sea Check Point melalui penguatkuasaan ke atas pergerakan kapal-kapal bukan konvensional (dipanggil kumpit) dan bot-bot nelayan negara jiran di laluan khas atau *designated routes* yang ingin menjalankan aktiviti perdagangan *barter trade* atau *transshipment* di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan;
- iii. Pemantauan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di perairan ESS Zone juga kekal dikuatkuasakan di enam (6) buah daerah yang melibatkan Semporna, Kunak, Lahad Datu, Kinabatangan, Sandakan dan Beluran; dan
- iv. Pengukuhan dan peluasan kerjasama pertukaran serta perkongsian maklumat perisikan melalui forum interaksi melibatkan pelbagai Jabatan/Agensi dalam negara dan pihak berkuasa dari Filipina dan Indonesia. Antaranya dengan pihak Western Mindanao Command, Armed Forces of the Philippines (Westmincom, AFP), Philippine National Police (PNP), Kepolisian Negara Republik Indonesia (Polri) serta keterlibatan dalam inisiatif Perjanjian Kerjasama Trilateral Malaysia-Indonesia-Filipina (TCA) dan seumpamanya.

Segala inisiatif yang dilaksanakan ini telah membawa kepada kejayaan-kejayaan penting dalam membasmi elemen pencerobohan asing dan militan di Sabah.

Tuan Yang Dipertua,

Dari aspek mendepani ancaman rentas sempadan yang semakin kompleks di ESS Zone, Kementerian Dalam Negeri melalui ESSCOM komited untuk mempertingkatkan kesiapsiagaan pasukan keselamatan dalam mengawal sempadan negara dari semasa ke semasa melalui inisiatif-inisiatif pembangunan keupayaan dan perolehan aset-aset taktikal berteknologi tinggi di lokasi-lokasi strategik dalam ESS Zone seperti yang berikut:

- i. Memperkukuhkan pengawasan di sempadan melalui Sistem Radar Pengawasan Laut (SWASLA) yang akan dikendalikan oleh pihak APMM di bawah Rolling Plan Kedua (RP2), RMKe-11, Tahun 2017 dan pemasangan kamera jarak jauh di Pulau Ligitan, Semporna di bawah RMKe-12, Tahun 2024 bagi mengesan dan memantau sasaran yang mencurigakan;
- ii. Memperkenalkan sistem aplikasi telefon pintar Friends of Sabah melalui kerjasama ESSCOM dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi menjamin keselamatan dan mengukuhkan keyakinan pengunjung pusat-pusat pelancongan dan peranginan di ESS Zone. Aplikasi tersebut sedang dibangunkan oleh Syarikat Tempatan tanpa melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan serta aplikasi ini boleh digunakan oleh pelancong warga asing dan tempatan yang melawat pantai Timur Sabah, khususnya;
- iii. Merancang perolehan aset strategik berasaskan teknologi terkini dengan menggunakan Unmanned Aerial Vehicle (UAV) di kawasan laut terbuka dan dron di kawasan yang spesifik bagi pemantauan dan pengesanan keselamatan yang berkesan di ESS Zone serta penambahan sistem pengawasan daratan Fiber Optic Border Monitoring di kawasan sempadan berhampiran Pulau Sebatik, Tawau; dan
- iv. Meningkatkan jaringan dan kelancaran aset telekomunikasi antara agensi menerusi Government Integration Radio Network (GIRN) atau RMP Net di kawasan laut yang dikenal pasti sebagai lokasi *blind spot*.

Kesimpulannya, Kerajaan melalui ESSCOM tidak pernah leka dan sentiasa komited mempertingkatkan keupayaan serta kesiagaan pasukan, infrastruktur pos dan aset keselamatan dari semasa ke semasa bagi memastikan kedaulatan Sabah dan ketenteraman awam di wilayah ini sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan untuk meningkatkan penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001 supaya kes-kes seperti kes Global Ikhwan Sdn Bhd (GISBH) dan kes Abang Bas dalam TikTok tidak akan berlaku lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius berkenaan perlakuan jenayah terhadap kanak-kanak yang berlaku kebelakangan ini. Kementerian melalui Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah meningkatkan penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001 supaya kes-kes penderaan dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti kes Global Ikhwan Sdn Bhd (GISBH) dan kes Abang Bas dalam TikTok dapat dicegah dengan lebih efektif. Kerajaan telah merancang beberapa pelan yang melibatkan peningkatan aspek undang-undang, kerjasama antara agensi, serta inisiatif pendidikan dan kesedaran. Berikut adalah beberapa pelan yang direncanakan:

1. Pindaan dan Penambahbaikan Akta Kanak-Kanak 2001

Kerajaan bercadang untuk menambahbaik Akta Kanak-Kanak 2001 melalui pindaan undang-undang yang lebih tegas dan komprehensif. Penambahbaikan ini bertujuan untuk menutup sebarang kelemahan undang-undang dan memastikan perlindungan yang lebih luas bagi kanak-kanak daripada pelbagai bentuk penderaan, termasuk yang berkaitan dengan teknologi dan dunia siber. Peruntukan berkaitan hukuman juga akan diperketatkan, terutamanya terhadap penjaga yang bertanggungjawab atas pengabaian atau penderaan fizikal, emosi, atau seksual terhadap kanak-kanak.

2. Penubuhan Lebih Banyak Mahkamah Khas Kanak-Kanak

Penubuhan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di seluruh negara akan diperkembangkan. Mahkamah khas ini direka untuk menangani kes-kes jenayah terhadap kanak-kanak secara lebih sensitif dan mesra kanak-kanak, serta mempercepatkan proses perbicaraan. Mahkamah ini akan membantu mempercepatkan tindakan undang-undang terhadap pesalah, memastikan keadilan dilaksanakan dengan segera, serta mengurangkan trauma yang dialami oleh mangsa kanak-kanak dalam proses perbicaraan.

3. Pemantapan Penguatkuasaan di Peringkat Tempatan

Kerajaan berhasrat untuk memperkasakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan lebih ramai pegawai yang terlatih dalam mengenal pasti tanda-tanda awal penderaan kanak-kanak, khususnya dalam institusi seperti rumah perlindungan dan sekolah. Peningkatan pemantauan oleh agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terhadap institusi yang menjaga kanak-kanak juga akan dipertingkatkan melalui lawatan berkala dan penyiasatan lebih teliti. Melalui sistem pelaporan yang lebih mudah dan segera, tindakan awal dapat diambil bagi melindungi kanak-kanak yang disyaki mengalami penderaan atau pengabaian.

4. Pelaksanaan Polisi Perlindungan Kanak-Kanak di Institusi Pendidikan dan Jagaan

Polisi Perlindungan Kanak-Kanak di sekolah, tadika, rumah perlindungan, dan pusat jagaan kanak-kanak akan diperketatkan. Ini termasuk latihan kepada guru, kakitangan pusat jagaan, dan penjaga tentang cara mengenal pasti dan menangani kes-kes penderaan atau keganasan terhadap kanak-kanak. Setiap institusi perlu memastikan terdapat pegawai perlindungan kanak-kanak yang bertanggungjawab untuk memantau dan melaporkan sebarang kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak.

5. Kerjasama Lebih Erat dengan Agensi Penguatkuasaan dan NGO

Kerajaan merancang untuk memperluas kerjasama antara agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam pemantauan dan perlindungan kanak-kanak. Ini akan memperkuat proses pelaporan, pengumpulan bukti, dan tindakan awal terhadap suspek, serta memastikan bantuan segera diberikan kepada mangsa. NGO juga akan memainkan peranan penting dalam

memberi sokongan psikologi kepada kanak-kanak dan keluarga mereka, serta mengadakan kempen kesedaran di peringkat akar umbi.

6. Program Pendidikan Keselamatan Diri Kanak-Kanak

Program pendidikan keselamatan diri di sekolah akan diperluas, dengan fokus kepada mendidik kanak-kanak mengenai hak-hak mereka, keselamatan diri, dan bagaimana mengenali serta melaporkan situasi yang mencurigakan atau berbahaya. Kurikulum pendidikan akan disemak untuk memastikan kanak-kanak memahami cara melindungi diri daripada penderaan fizikal, emosi, atau seksual serta membangunkan kesedaran ibu bapa dan penjaga dalam isu perlindungan kanak-kanak. Program seperti Sahabat Bijak akan diperluaskan ke semua sekolah di seluruh negara.

7. Penggunaan Teknologi untuk Pemantauan Kes Jenayah Kanak-Kanak

Kerajaan juga merancang untuk memanfaatkan teknologi digital dalam pemantauan dan penguatkuasaan, termasuk menggunakan sistem pangkalan data nasional untuk menyimpan maklumat mengenai kes-kes penderaan kanak-kanak dan pesalah yang telah disabitkan. Sistem ini akan memudahkan pengesanan pesalah yang berpotensi mengulangi kesalahan, terutamanya bagi kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Selain itu, aplikasi mudah alih atau talian hotline akan diwujudkan untuk membolehkan orang ramai melaporkan kes-kes penderaan dengan segera.

8. Penguatkuasaan Lebih Tegas Terhadap Penderaan Dalam Talian

Dalam menghadapi peningkatan risiko jenayah seksual dalam talian, kerajaan merancang untuk memperkuatkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta pasukan keselamatan siber dalam memantau dan menangani kes-kes eksploitasi seksual kanak-kanak secara dalam talian. Langkah ini termasuk pemantauan lebih ketat terhadap aktiviti penyebaran bahan pornografi kanak-kanak di internet serta pelaksanaan hukuman lebih berat terhadap pesalah yang terlibat

dalam jenayah tersebut. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan Jenayah Siber akan diperketatkan dengan kerjasama antarabangsa, memandangkan banyak kes melibatkan jaringan rentas sempadan.

9. Pelan Pemulihan dan Rehabilitasi yang Lebih Menyeluruh

Kerajaan merancang untuk meningkatkan kualiti pusat pemulihan dan perkhidmatan sokongan psikologi bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan. Langkah ini melibatkan penyediaan lebih ramai kaunselor, pekerja sosial, dan psikologi yang terlatih dalam menangani trauma kanak-kanak. Selain itu, sokongan bagi keluarga mangsa juga akan ditingkatkan untuk membantu mereka dalam proses pemulihan selepas insiden penderaan.

10. Pelaksanaan Sistem Pemantauan dan Pelaporan yang Lebih Sistematik

Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem pelaporan berpusat bagi kes penderaan kanak-kanak, di mana kes-kes boleh dilaporkan dengan lebih cepat melalui satu saluran berpusat yang akan diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sistem ini akan membolehkan tindakan segera diambil dan meningkatkan kecekapan dalam proses pemantauan serta penguatkuasaan undang-undang.

Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan Akta Kanak-Kanak 2001 dapat dikuatkuasakan dengan lebih efektif, dan agar keselamatan kanak-kanak di Malaysia sentiasa terjamin. Pelan ini bertujuan untuk bukan sahaja menghukum pesalah tetapi juga mencegah jenayah daripada berlaku dengan meningkatkan kesedaran dan perlindungan terhadap kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pendakwaan terhadap anggota polis pengiring yang didakwa memukul seorang pemandu e-hailing kurang upaya (OKU) pada 28 Mei yang lalu serta tindakan susulan yang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Bagi kes siasatan serangan terhadap pemandu e-hailing Orang Kelainan Upaya (OKU) Ong Ing Keong, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis Brickfields Repot 7047/2024 di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan. Kejadian berlaku melibatkan pengadu merupakan seorang OKU yang juga mangsa, mendakwa telah dikasari oleh pengawal pengiring orang kenamaan. Pertuduhan ke atas subjek telah dilaksanakan pada 4 November 2024, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman ke atas subjek di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Selain itu, pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM juga telah membuka kertas siasatan tatatertib (KST) ke atas orang yang disyaki (OYDS) dan Kertas Enkuiri Tatatertib (KET) juga dibuka ke atas Pegawai Penyiasat Kanan dan Pegawai Penyiasat kes tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik penahanan, pertuduhan dan sabitan di bawah POCA berdasarkan pecahan umur, kaum, jantina dan taraf kewarganegaraan, bagi setiap tahun dari Januari 2018 hingga September 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod PDRM, seramai 6,176 orang telah ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dari 1 Januari 2018 hingga 30 September 2024. Tahanan di bawah POCA 1959 tidak melalui proses mahkamah biasa yang melibatkan tuduhan dan sabitan kerana ia adalah undang-undang bersifat pencegahan.

Bagi tahun 2018, jumlah orang yang ditahan adalah seramai 1,364 orang. Dari jumlah tersebut, julat umur antara tahun 19-29 tahun merupakan tahanan tertinggi iaitu seramai 739 orang dan kaum teramai adalah bangsa Melayu iaitu seramai 665 orang. Jantina lelaki mencatatkan bilangan tahanan lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 1,328 orang dan melibatkan seramai 1,308 warganegara Malaysia.

Bagi tahun 2019, jumlah orang yang ditahan adalah seramai 1,707 orang. Dari jumlah tersebut, julat umur antara tahun 19-29 tahun merupakan tahanan tertinggi iaitu seramai 945 orang dan kaum teramai adalah bangsa Melayu iaitu seramai 652 orang. Jantina lelaki mencatatkan bilangan tahanan lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 1,657 orang dan melibatkan seramai 1,296 warganegara Malaysia.

Bagi tahun 2020, jumlah orang yang ditahan adalah seramai 1,963 orang. Dari jumlah tersebut, julat umur antara tahun 19-29 tahun merupakan tahanan tertinggi iaitu seramai 1,048 orang dan kaum teramai adalah bangsa Melayu iaitu seramai 742 orang. Jantina lelaki mencatatkan bilangan tahanan lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 1,884 orang dan melibatkan seramai 1,577 warganegara Malaysia.

Bagi tahun 2021, jumlah orang yang ditahan adalah seramai 1,012 orang. Dari jumlah tersebut, julat umur antara tahun 19-29 tahun merupakan tahanan tertinggi iaitu seramai 528 orang dan kaum teramai adalah bangsa Melayu iaitu seramai 443 orang. Jantina lelaki mencatatkan bilangan tahanan lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 990 orang dan melibatkan seramai 962 warganegara Malaysia.

Bagi tahun 2022, jumlah orang yang ditahan adalah seramai 130 orang. Dari jumlah tersebut, julat umur antara tahun 30-49 tahun merupakan tahanan tertinggi iaitu seramai 72 orang dan kaum teramai adalah bangsa Melayu iaitu seramai 66 orang. Jantina lelaki mencatatkan bilangan tahanan lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 124 orang dan melibatkan seramai 129 warganegara Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2023 dan 2024, tiada sebarang tahanan dibuat memandangkan kuatkuasa POCA 1959 ditangguhkan susulan keputusan Mahkamah Persekutuan pada April 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini kerja-kerja naik taraf bangunan dan prasarana daif di 450 buah sekolah yang merangkumi 185 projek di Sarawak dan 155 di Sabah dengan peruntukan sebanyak RM930 juta seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2024 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah yang dibentangkan dalam Bajet 2024, iaitu di Semenanjung sembilan projek telah siap, 58 projek pada fasa bina dan 43 projek pada fasa prabina menjadikan keseluruhan jumlah adalah **110 projek**.

Di Sabah, 42 projek telah siap, 59 projek pada fasa bina dan 54 projek pada fasa prabina menjadikan keseluruhan jumlah adalah **155 projek**.

Di Sarawak, 52 projek telah siap, 47 projek pada fasa bina dan 86 projek pada fasa prabina menjadikan keseluruhan jumlah adalah **185 projek**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status kerja-kerja yang telah siap di bawah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuyoh dan perbelanjaan yang telah digunakan. Nyatakan kekangan pelaksanaan dan sasaran penyiapan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kuyoh yang telah diluluskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM300 juta. Projek ini sedang dalam proses perolehan dan pelaksanaan kerja dijangka akan bermula pada tahun 2025 dengan tempoh pelaksanaan selama empat (4) tahun.
2. Memandangkan pelaksanaan projek ini adalah di kawasan perbandaran, dijangka pelaksanaan projek ini kelak akan melibatkan pengalihan utiliti yang memerlukan perancangan pelaksanaan kerja yang lebih teliti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini siasatan kes 115 akuan bersumpah (SD) sokongan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan bersabit Setapak Repot: 13248/2024 di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kertas siasatan tersebut telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) dan pada 11 September 2024, dan telah dikembalikan bagi siasatan lanjut. Sehubungan itu, Kementerian ini tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini berkenaan kekurangan guru Bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah menengah termasuk Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan dan langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan keperluan ini dipenuhi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sehingga 31 Oktober 2024, jumlah keperluan guru Bahasa Cina di sekolah menengah seluruh negara adalah seramai 1,718 orang, manakala jumlah pengisian guru adalah seramai 1,544 orang. Oleh itu, terdapat kekurangan sebanyak 174 orang guru opsyen Bahasa Cina. Bagi mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah, jumlah keperluan guru adalah seramai 624 orang, manakala jumlah pengisian guru adalah seramai 637 orang, dengan lebih sebanyak 13 orang guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pengambilan guru tahun 2024 telah hampir selesai dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dijangka akan mengumumkan keputusan temu duga pada bulan Disember 2024.

Dalam menangani isu kekurangan guru, KPM telah mempertingkatkan sinergi dan kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan serta agensi pusat yang berkaitan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan. Beberapa kaedah dipersetujui dan dilaksanakan untuk membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru.

Bagi langkah jangka pendek dan sederhana, KPM sedang melaksanakan tindakan seperti berikut:

- i. pengambilan guru dilaksanakan menggunakan kluster mata pelajaran;
- ii. pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara;

dan

- iii. pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Bagi langkah jangka panjang pula, KPM melaksanakan tindakan seperti:

- i. pengambilan calon guru bagi Program Praperkhidmatan PISMP lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Program Matrikulasi dalam beberapa bidang pengkhususan untuk keperluan guru sekolah rendah bermula tahun 2024; dan
- ii. penubuhan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

Walau bagaimanapun, KPM sedia maklum bahawa terdapat faktor-faktor di lokasi yang mempengaruhi penempatan guru-guru Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Untuk mengatasi isu lokaliti, KPM juga menyediakan inisiatif kelas Pupils' Own Language (POL) untuk sekolah-sekolah yang tidak mempunyai guru Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, tertakluk kepada dasar yang sedia ada. Pembelajaran dan pengajaran POL dilaksanakan di luar jadual waktu persekolahan mengikut kesesuaian sekolah. Manakala guru yang mengajar kelas POL adalah guru opsyen Bahasa Cina atau Bahasa Tamil yang mengajar di sekolah berhampiran dengan sekolah yang memohon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembinaan ICQS atau kompleks sempadan Bukit Berapit di Pengkalan Hulu, Perak di bawah Parlimen Gerik dan bila ianya dijangka siap sepenuhnya untuk beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kompleks ICQS Bukit Berapit adalah merupakan salah satu Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) darat yang menghubungkan daerah Hulu Perak di Malaysia dan daerah Betong di Thailand, dengan catatan angka pergerakan pengembara yang signifikan pada tahun 2023 iaitu seramai 1,219,999 orang.

Kedudukan sedia ada Kompleks ICQS Bukit Berapit yang terletak di atas Lot tanah 4158 dan 4159 berada pada kedudukan kira-kira 700 meter dari garis sempadan Malaysia Thailand. Berdasarkan keadaan semasa, Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Negeri Perak sedang meneliti keperluan dan kaedah bagi cadangan pembangunan Kompleks ICQS Bukit Berapit yang baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Ibu Pejabat Polis Daerah Lawas daripada kategori C kepada kategori B.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku Kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai. Ini termasuk menyediakan kemudahan yang selesa kepada warga KDN meliputi pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sama ada di tempat kerja mahupun kuarters kediaman.

Untuk makluman, di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Lawas terdapat (2) buah Balai Polis iaitu Balai Polis Lawas dan Balai Polis Sundar dengan perjawatan keseluruhan anggota polis di IPD dan Balai Polis adalah seramai 123 orang.

IPD Lawas adalah salah satu daripada 43 IPD yang dicadangkan untuk dinaik taraf daripada kategori C ke kategori B di bawah pelaksanaan Rasionalisasi Perjawatan Jabatan Pengurusan PDRM Fasa 1 bagi tahun 2024. Cadangan ini sedang dalam penelitian pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) bantuan dan khidmat nasihat yang akan diberikan kepada perusahaan mikro dengan hasil tahunan bawah RM150000 tetapi dengan rela ingin mengeluarkan e-invois; dan
- (b) adakah insentif diberikan peserta secara rela dan pihak ketiga dilatih serta dibenarkan untuk membantu kumpulan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan e-Invois secara menyeluruh akan bermula pada 1 Julai 2025 yang melibatkan semua perniagaan termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pengecualian daripada pengeluaran e-Invois kepada peniaga kecil yang mempunyai jualan tahunan di bawah 150 ribu ringgit yang mana ianya melibatkan lebih 700 ribu peniaga kecil. Namun, Kerajaan sangat menggalakkan penglibatan peniaga kecil dalam inisiatif e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan perniagaan.
2. Setakat 4 Disember 2024, sebanyak 8,272 syarikat telah menggunakan sistem e-Invois yang melibatkan pengeluaran 98 juta e-Invois secara keseluruhan. Penyertaan e-Invois ini bukan sahaja melibatkan syarikat atau pembayar cukai fasa pertama, tetapi turut disertai oleh syarikat yang berada dalam fasa kedua dan ketiga secara sukarela. Ini menunjukkan tahap penerimaan yang baik di kalangan syarikat dalam mematuhi pelaksanaan e-Invois.
3. Kerajaan juga telah menyediakan tempoh peralihan selama 6 bulan bagi memberi kelonggaran kepada perniagaan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan, iaitu e-Invois yang menggabungkan semua transaksi jualan setiap bulan. Sepanjang tempoh peralihan ini, penalti tidak akan dikenakan kepada perniagaan yang sekurang-kurangnya mengeluarkan e-Invois disatukan.

4. Dalam usaha membantu PMKS melaksanakan e-Invois, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menyediakan Portal MyInvois yang boleh diakses dan digunakan secara percuma bagi proses penghantaran e-Invois kepada LHDN. Sebagai tambahan, aplikasi MyInvois telah turut dibangunkan oleh LHDN yang memudahkan pembayar cukai untuk melaksanakan e-Invois menerusi telefon pintar sahaja pada bila-bila masa dan di mana jua.
5. Sekiranya peniaga memilih untuk membangunkan sendiri sistem *Application Programming Interface* (API) untuk diintegrasikan dengan sistem MyInvois, peniaga perlu melakukan perbelanjaan bagi penyediaan sistem dan mendapatkan khidmat nasihat dari perunding atau penyedia perkhidmatan. Maka dengan itu, Kerajaan menyediakan insentif cukai bagi perniagaan yang melakukan perbelanjaan bagi pelaksanaan e-Invois seperti berikut:
 - a. **Pertama:** Tempoh tuntutan elaun modal dikurangkan daripada 4 tahun kepada 3 tahun bagi perbelanjaan pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer mulai tahun taksiran 2024; dan
 - b. **Kedua:** Potongan cukai sehingga 50 ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran bagi perbelanjaan yuran perundingan yang ditanggung PMKS mulai tahun taksiran 2024 hingga 2027.
6. Dari segi pengetahuan dan latihan, pihak LHDN mengambil pendekatan secara aktif dalam menjalankan program dan sesi libat urus yang berterusan bagi tujuan kesedaran dan pendidikan di seluruh negara. LHDN turut menyediakan platform, tutorial bimbingan dan panduan pengguna bagi membantu PMKS menggunakan Portal MyInvois. Selain itu, pegawai LHDN di peringkat negeri turun padang dan mengadakan bengkel serta taklimat di seluruh negara bagi memberi bimbingan dan penjelasan berhubung pelaksanaan e-Invois kepada PMKS. Senarai jadual program ini boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDN atau menghubungi pejabat LHDN berhampiran.

7. LHDN akan terus mempergiatkan lagi sesi libat urus dan program pendidikan e-Invois dengan pembayar cukai dalam fasa ketiga bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar mulai 1 Julai 2025. LHDN sentiasa komited dan bersedia untuk memberikan taklimat kepada mana-mana pihak yang memohon untuk mendapatkan penjelasan serta bimbingan mengenai pelaksanaan e-Invois pada bila-bila masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk mengkaji kembali peruntukan undang-undang dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang bersifat berat sebelah dan terdedah kepada penyalahgunaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam sentiasa komited dalam mengkaji dan menambahbaik semua undang-undang di bawah kawal selia Kementerian ini termasuk undang-undang melibatkan kesalahan keselamatan. Kementerian akan terus menyokong reformasi negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Pada tahun 2023, mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang juga Yang Berhormat Bukit Gelugor telah menyelaraskan beberapa sesi libat urus secara holistik bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara Malaysia, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Badan Peguam berkaitan isu ini. Usai sesi libat urus tersebut, beberapa syor pindaan telah dikemukakan kepada KDN. Justeru, KDN ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha tersebut.

Kementerian ini juga sedang meneliti cadangan yang dikemukakan bersama-sama justifikasi yang disediakan oleh PDRM. Walau bagaimanapun, setiap undang-undang adalah bersifat dinamik dan sentiasa mempunyai ruang untuk ditambah baik. Semakan dan kajian akan dilaksanakan secara berterusan bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam memastikan sesuatu perundangan itu kekal relevan. Justeru, sebarang cadangan penambahbaikan sentiasa akan diperhalusi dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi Fasa 5 dari segi kos keseluruhan, nama kontraktor dan tarikh projek bermula dan tarikh siap. Adakah pelaksanaan projek ini melibatkan pemindahan penduduk. Jika ya, nyatakan kawasan dan jumlah penduduk yang terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi 5 dengan kos berjumlah RM101.3 juta. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina bermula pada Februari 2024. Pada ketika ini, projek sedang dalam peringkat rekabentuk dan berdasarkan jadual, kerja fizikal akan bermula pada 2025. Projek dijangka akan siap sepenuhnya pada Januari 2029. Berdasarkan rekabentuk konsep, projek ini akan mengurangkan risiko banjir di kawasan seluas 1,000 hektar melibatkan 13,830 penduduk.

2. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, PLSB Sungai Linggi Fasa 5 adalah sambungan fasa terdahulu. Skop fasa kelima ini bermula di hilir Sungai Linggi di Kampung Nyatoh sehingga ke Ampangan dan Kampung Paroi, Daerah Seremban. Selain itu, projek ini turut melibatkan beberapa cabang anak sungai lain iaitu Sungai Temiang, Sungai Kepayang, Sungai Kayu Ara dan beberapa anak air sungai lain akan mengalir masuk ke Sungai Linggi. Jumlah jajaran sungai terlibat adalah 25km panjang. Berdasarkan rekabentuk, apabila siap kelak, projek ini berupaya meningkatkan kapasiti sistem saliran sedia ada sehingga perlindungan 100 ARI, selaras dengan kadar kepesatan pembangunan kawasan terlibat.

3. Sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Khusus untuk Parlimen Rasah, peruntukan berjumlah RM400 ribu telah disalurkan pada tahun 2022 untuk melaksanakan kerja melibatkan skop utama seperti kerja-kerja pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @
YAHAYA [POKOK SENA]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA (POKOK SENA) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah menyemak semula penyaluran fiskal kepada negeri-negeri khususnya melibatkan kepentingan tertentu seperti keselamatan makanan, tanaman padi, pajakan negeri dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman YB, Kerajaan Persekutuan sentiasa menambah baik keperluan fiskal kepada negeri termasuk semua Pemberian dan geran yang diberikan kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh sama ada dari aspek peningkatan peruntukan atau menambah baik tata kelola Pemberian. Pada tahun 2024 sahaja, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) telah dinaikkan kepada RM400 juta, Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri dinaikkan kepada RM5.36 bilion dan Pemberian Insentif Kewangan Bagi Konservasi Biodiversiti (*Ecological Fiscal Transfer* - EFT) turut dinaikkan kepada RM200 juta. Pemberian-pemberian ini dimanfaatkan oleh kerajaan negeri bagi tujuan pembangunan dan kelestarian ekonomi negeri.
2. Dari aspek keterjaminan makanan pula, Kerajaan juga sentiasa cakna akan keperluan suntikan fiskal bagi sektor agromakanan dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin sepenuhnya. Peruntukan pembangunan disediakan mengikut sub-sektor utama agromakanan (tanaman, perikanan dan akuakultur serta ternakan) dan padi merupakan jenis tanaman (*crop*) yang diberi tumpuan utama dengan menerima suntikan fiskal Kerajaan yang terbesar berdasarkan keluasan kawasan jelapang padi dan bilangan pesawah yang aktif bertanam.
3. Untuk makluman YB seterusnya, bagi tahun 2025, sebanyak **RM2.6 bilion** akan disediakan di bawah peruntukan mengurus (OE) berbanding **RM2.5 bilion** pada tahun 2024 dan sebanyak **RM131.9 juta** bagi peruntukan pembangunan (DE) berbanding **RM125.7 juta** pada tahun 2024 untuk pembangunan industri padi negara. Peruntukan disediakan berdasarkan sasaran dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN2.0) termasuklah peruntukan yang melibatkan subsidi bersasar seperti subsidi input dan output padi, subsidi diesel dan petrol nelayan.

NO SOALAN : 41

4. Kerajaan Persekutuan terus memperkukuhkan keterjaminan makanan dengan aktif melaksanakan program dan aktiviti melalui kerjasama strategik dengan negeri-negeri seperti pada tahun ini telah disediakan sebanyak RM150 juta bagi Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah dengan Kerjasama Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil produk agromakanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan formula pengiraan kadar harga Cas Sambungan Pengguna (CSP) yang dikenakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi permohonan tambahan lampu awam dan apakah rasional mengutip CSP daripada PBT memandangkan ini meningkatkan kos PBT menyediakan pencahayaan kepada penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara amnya, Caj Sambungan Pengguna (CSP) merupakan bayaran pendahuluan bagi tujuan menampung sebahagian kos penyediaan infrastruktur elektrik yang diperlukan oleh pihak pengguna. Seterusnya, sebahagian besar baki kos penyediaan infrastruktur elektrik ini akan diperoleh kembali secara beransur melalui tarif elektrik yang dimasukkan dalam bil elektrik bulanan pengguna.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, tarif elektrik yang dikenakan kepada pengguna lampu jalan adalah lebih rendah berbanding kos operasi sebenar bagi penyediaan bekalan elektrik dalam kategori ini. Oleh yang demikian, CSP dikenakan kepada pengguna sebagai kos pendahuluan iaitu modal awal bagi menampung kos keseluruhan penyediaan infrastruktur bekalan elektrik tersebut. Dengan cara ini, tarif elektrik semasa dapat dikekalkan supaya tidak membebankan pengguna, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai penyedia pencahayaan kepada penduduk.

3. Prinsip pengiraan CSP yang berdasarkan kos penuh projek telah diperkenalkan sejak tahun 2000. Pendekatan ini terus digunakan sehingga kini, dengan kadar yang diselaras dan diseragamkan oleh Kerajaan pada tahun 2020 seperti berikut:

(i) Bagi lampu jalan raya jenis *High Pressure Sodium Vapour* (HPSV), kadar CSP adalah berdasarkan kadar standard (dikira berdasarkan kos penuh projek) bagi tambahan lampu dan/atau tambahan tiang, iaitu:

(a) RM300 setiap lampu bagi tiang sedia ada; dan

(b) RM600 setiap tiang bagi tambahan tiang (tidak termasuk lampu)

(ii) Bagi lampu jalan raya jenis *Light Emitting Diode* (LED), kadar CSP adalah mengikut kos penuh projek.

4. Rasional CSP dikenakan kepada PBT adalah berdasarkan prinsip '*user pays*', dengan izin, iaitu entiti yang memohon perkhidmatan tambahan infrastruktur perlu menanggung kosnya. Rasional tersebut termasuk:

- (i) pemulihan kos TNB untuk menampung kos pelaburan dalam menyokong beban tenaga yang bertambah akibat pemasangan lampu awam baharu;
- (ii) mengelakkan subsidi silang daripada pengguna kategori lain dengan memastikan kos tambahan hanya ditanggung oleh pengguna yang menerima manfaat langsung; dan
- (iii) menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu seperti lampu jalan solar untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga elektrik konvensional.

5. Di atas justifikasi tersebut, pelaksanaan CSP ini bukan sahaja memanfaatkan pihak yang terlibat secara langsung, malah memberikan keadilan kepada pengguna elektrik lain serta menyokong usaha pembangunan yang lebih mampan dan efisien untuk jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
[LANGKAWI]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap gesaan mengembalikan UPSR dan PT3 dan apakah garis masa untuk mengembalikan peperiksaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik.

PBS disifatkan sebagai pentaksiran yang berorientasikan perkembangan murid secara holistik. Fokus pembelajaran bukan hanya bertumpu kepada gred atau markah dalam peperiksaan, tetapi beralih kepada pembelajaran yang bermakna dalam suasana yang menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambahbaik sistem pentaksiran pendidikan, KPM telah melakukan perbandingan dengan beberapa buah negara seperti Finland, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Australia, Scotland, Norway, New Zealand, Jepun, Hong Kong, serta Indonesia dan mereka juga telah beralih daripada peperiksaan berpusat kepada PBS. Perbandingan pentaksiran pendidikan yang dilaksanakan di negara serantau dan antarabangsa menunjukkan bahawa pentaksiran pendidikan di Malaysia bergerak selari dengan agenda pendidikan global.

Pelaksanaan PBS juga adalah selari dengan *Incheon Declaration and the Education 2030 Framework for Action* yang dibentangkan pada 21 Mei 2015 dalam *World Education Forum* di Incheon, Republik Korea. Deklarasi ini menggariskan pentaksiran pendidikan berkualiti melalui pentaksiran berterusan berasaskan bilik darjah serta pentaksiran yang lebih komprehensif merangkumi pentaksiran kognitif dan bukan kognitif.

Sebagai usaha memperkasa PBS, KPM juga telah melaksanakan ujian akhir sesi akademik yang merupakan pentaksiran sumatif dalam komponen PBD. Ujian ini bersifat *low stake* dan mampu mengurangkan tekanan peperiksaan kepada murid. Selain itu, KPM turut melakukan

penambahbaikan terhadap pelaksanaan ujian akhir sesi akademik mulai sesi akademik 2024/2025, antaranya ialah menukar bentuk pelaporan daripada Tahap Penguasaan (TP) kepada bentuk peratus dan gred, serta memberikan sekolah dan guru autonomi dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian berkaitan PBS sebagai pentaksiran berorientasikan pembelajaran dan perkembangan murid ini juga telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri. KPM yakin pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS yang merangkumi aspek intelektual, emosi, sosial dan jasmani merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan KPM dan tiada keperluan untuk UPSR dan PT3 dilaksanakan semula.

KPM juga beriltizam untuk memastikan semua agenda reformasi pendidikan bergerak tangkas dan berupaya memberikan pendidikan berimpak tinggi kepada generasi pewaris negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN
ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status penebusan baucar buku bagi pelajar tahap dua sekolah rendah, sekolah menengah sehingga peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) dan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan kadar penebusan baucar ini mencapai sasaran 100 peratus sebelum tamat tempohnya pada akhir tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pengumuman pemberian Baucar Buku MADANI semasa Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada 30 Mei 2024. Pemberian baucar buku tersebut dapat menyemai dan meningkatkan amalan membaca dalam kalangan generasi muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid sekolah rendah (Tahun 4 dan ke atas) menerima baucar sebanyak RM50 manakala murid sekolah menengah dan pelajar lepasan menengah seperti kolej tingkatan enam (KTE), kolej vokasional (KV) dan kolej matrikulasi (MATRIKS) serta pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pula menerima baucar sebanyak RM100.

Sehingga 10 Disember 2024, sebanyak 97.98 peratus (3,449,991) murid dan pelajar lepasan menengah seluruh negara telah membuat penebusan Baucar Buku MADANI. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 98.72 peratus (1,395,358) adalah murid tahap dua sekolah rendah, 98.11 peratus (1,969,154) merupakan murid sekolah menengah dan sebanyak 96.37 peratus (84,979) daripada IPGM, MATRIKS, KTE dan KV.

KPM telah mengadakan sesi libat urus penebusan baucar buku dengan semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Guru Perpustakaan dan Media dari seluruh negara bagi membantu murid membuat penebusan baucar ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 47 parlimen telah mencapai 100 peratus penebusan. Sebanyak 8,509 buah sekolah daripada 39 PPD seluruh negara telah mencapai 100 peratus kadar penebusan baucar. Sementara bagi kadar penebusan tertinggi mengikut negeri pula didahului oleh Labuan yang telah mencapai 100 peratus penebusan, Terengganu sebanyak 99.95 peratus, Johor 99.89 peratus, Pulau Pinang 99.87 peratus dan Perak 99.72 peratus.

Dalam usaha mencapai penebusan 100 peratus sebelum tamat tempoh program pada 31 Disember 2024, beberapa langkah strategik sedang dilaksanakan oleh KPM dengan kerjasama Perbadanan Kota Buku. Ini termasuk langkah kolaborasi dengan pelbagai pihak seperti penjual buku dan penerbit untuk menjalankan kempen penebusan buku di sekolah seluruh Malaysia. Promosi penebusan baucar ini turut dilakukan menerusi Pesta Buku Dalam Talian di platform Book Capital selain penebusan melalui media sosial dan pelibatan pengengaruh muda untuk meningkatkan kesedaran mengenai kelebihan baucar buku ini.

Selain itu, KPM juga bergiat aktif membuka kaunter penebusan baucar buku dalam Jelajah Program MADANI Rakyat yang diadakan di seluruh negara bagi memudahkan proses penebusan dan membantu murid-murid yang menghadapi masalah penebusan. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan penebusan Baucar Buku MADANI mencapai 100 peratus sebelum tamat tempohnya pada akhir tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM (PENDANG) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha penambahbaikan Kerajaan terhadap Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dalam usaha memperkukuh tadbir urus dan pengurusan fiskal negara terutama daripada segi had siling hutang statutori negara serta takrifan "kausa keluar" sewaktu krisis seperti wabak atau bencana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] merupakan langkah penting dalam usaha Malaysia ke arah meningkatkan disiplin fiskal dan memastikan kestabilan makroekonomi. Akta 850 menyediakan panduan dan penerangan yang jelas dalam penggubalan dasar fiskal bertujuan mengukuhkan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang serta memastikan pendekatan pengurusan kewangan awam menyeluruh. Akta ini yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 adalah selari dan berkesinambungan dengan rangka kerja perundangan sedia ada bagi meningkatkan tadbir urus, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan fiskal.
2. Perundangan dan peraturan hutang Kerajaan Persekutuan adalah dikawal selia melalui akta-akta berkaitan sedia ada **mengikut instrumen** iaitu:
 - a. Statutori hutang 65% KDNK ditetapkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] yang hanya merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MçGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB);
 - b. Had statutori hutang bagi pinjaman luar pesisir yang ditetapkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] pada paras RM35 bilion; dan
 - c. Had statutori Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] pada paras RM10 bilion.
3. Namun, Kerajaan telah menambah baik perundangan hutang sedia ada menerusi Akta 850 dengan menetapkan sasaran nisbah **keseluruhan hutang** Kerajaan Persekutuan kepada KDNK tidak melebihi 60% dalam tempoh jangka masa sederhana (tiga hingga

lima tahun). Walau bagaimanapun, penguatkuasaan Akta 850 tidak melangkaui atau membatalkan perundangan sedia ada berkaitan hutang.

4. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26 Akta 850, Kerajaan mempunyai fleksibiliti untuk menyimpang buat sementara daripada sasaran objektif fiskal dan perlu membentangkan pelan pelarasan fiskal apabila berlaku **situasi luar jangka dan tidak dapat diramal** yang mendatangkan risiko signifikan kepada kehidupan manusia, ekonomi dan kedudukan fiskal seperti kemelesetan ekonomi dan krisis kesihatan. Pelan ini menggariskan punca penyimpangan, langkah untuk kembali kepada objektif asal, tempoh masa yang diperlukan dan maklumat lain yang berkaitan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.
5. Oleh itu, Kerajaan boleh melaksanakan pakej rangsangan atau suntikan fiskal sekiranya berlaku krisis luar jangka bagi memastikan ekonomi negara kekal berdaya tahan dan melindungi kebajikan rakyat. Akta ini lebih menekankan kepada meningkatkan kebertanggungjawaban, tata kelola dan ketelusan kepada Parlimen dalam pengurusan kewangan dan fiskal negara. Akta ini juga tidak menghalang Kerajaan dan Jemaah Menteri untuk menggubal dan melaksanakan sebarang dasar berkaitan kewangan sebaliknya meningkatkan kredibiliti Kerajaan dan memastikan dasar tersebut dilaksanakan dengan lebih bertanggungjawab dan memberi impak positif kepada masa depan negara dalam jangka masa sederhana.
6. Kerajaan akan terus menumpukan perhatian kepada pelaksanaan dasar strategik bagi membugar ekonomi, menjana perubahan dan mensejahtera rakyat. Pemakaian Akta 850 akan meningkatkan tadbir urus, kebertanggungjawaban, dan ketelusan dalam pengurusan kewangan awam. Kerajaan kekal komited untuk mengukuhkan kedudukan kewangan melalui pelaksanaan dasar fiskal berhemat bagi menyokong aktiviti ekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat selari dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk mengatasi banjir berulang di beberapa kawasan/kampong antaranya Kg. Temerlok Trong, Kg. Matang Gelugur Kuala Sepetang dan Kg Jelutong Changkat Jering di dalam Parlimen Bukit Gantang dan berapa banyak peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir dan Penyelenggaraan Kolam Takungan Banjir sebagai penyelesaian jangka masa pendek.
2. Peruntukan berjumlah RM450 ribu telah disalurkan untuk Parlimen Bukit Gantang pada tahun 2022 hingga 2023 untuk melaksanakan kerja-kerja kecil melibatkan skop utama seperti pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan. Pada tahun ini pula, sebanyak RM400 ribu diperuntukkan untuk melaksanakan lima (5) sebutharga yang akan siap pada Disember 2024.
3. Selain itu, JPS juga telah melaksanakan langkah jangka masa pendek bagi mengurangkan masalah banjir terutamanya di kawasan Parlimen Bukit Gantang. Antaranya adalah penyelenggaraan kolam takungan banjir di Daerah Larut Matang Selama dengan kos berjumlah RM50 ribu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mekanisme kawal selia tayar celup yang digunakan kenderaan perdagangan dalam mengurangkan kemalangan akibat cebisan tayar atau *road gator* (buaya jalan) atas jalan raya yang boleh menyebabkan kerosakan serius hingga ada yang meragut nyawa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tayar celup merupakan suatu tayar terpakai yang telah dibaikpulih menerusi proses penambahan, penggantian dan pemulihan terhadap lapisan bunga tayar tanpa mengganggu struktur asal tayar tersebut supaya ianya dapat digunakan semula.

2. Berdasarkan kepada ketetapan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959, hanya tayar celup yang mempunyai persijilan pematuhan terhadap standard mandatori sahaja dibenarkan digunakan oleh kenderaan di atas jalan raya. Terdapat tiga (3) standard mandatori melibatkan tayar celup yang dikuatkuasakan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu seperti berikut:

- (i) **Malaysian Standard (MS) 224:** *Specification for Retreading of Pneumatic Rubber Tyres for Passenger Car and Commercial Vehicle;*
- (ii) **Peraturan United Nation (UN) R108:** *Retreaded Pneumatic Tyres;* dan
- (iii) **Peraturan United Nation (UN) R109:** *Retreaded Pneumatic Tyres for Commercial Vehicles.*

3. Penggunaan tayar celup yang tidak mematuhi standard mandatori adalah tidak dibenarkan di kalangan pengguna jalan raya kerana ciri-ciri pembinaannya tidak ditentukan dan aktiviti pengujian tayar tersebut tidak dilaksanakan dengan sewajarnya. Tayar celup yang mematuhi standard adalah tayar yang telah diuji daripada aspek ketahanan dan prestasi penggunaan di mana ianya telah terbukti selamat untuk digunakan di atas jalan raya.

4. Penentusahkan terhadap ciri-ciri pembinaan dan aktiviti pengujian terhadap sesebuah tayar amat penting untuk dilaksanakan berdasarkan kepada piawaian atau standard yang telah dikuatkuasakan bagi mengurangkan risiko kegagalan tayar khususnya berkaitan dengan tayar kenderaan yang meletup yang boleh menggugat keselamatan pengguna jalan raya.

5. Sehubungan itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan sentiasa melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan melalui penguatkuasaan di jalan raya atau melalui pemeriksaan berkala di PUSPAKOM bagi memastikan kenderaan perdagangan sentiasa menggunakan tayar yang mematuhi standard mandatori yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) secara optimum dan berkesan terutamanya untuk pelajar dan guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Teknologi AI merupakan alat yang berpotensi besar dalam meningkatkan pemahaman murid serta menyediakan pengalaman pembelajaran berdasarkan keperluan individu. Elemen AI juga telah diambil kira dalam reka bentuk Kurikulum Persekolahan 2027 dan pembudayaan STEM.

Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan sebanyak 16 aplikasi berkaitan AI dalam pelantar DELIMa. Daripada jumlah ini, sebanyak sembilan aplikasi AI seperti Gemini, ChatGPT, Bing AI, dan Conker AI berperanan membantu guru merancang pengajaran, membina soalan, menyediakan kuiz, dan mencipta sumber pendidikan bagi menarik minat murid dalam pembelajaran.

Menerusi program *Gemini AI Academy*, guru-guru dapat meningkatkan kemahiran penggunaan aplikasi Gemini bagi membangunkan rancangan pelajaran yang kreatif dan menghasilkan sumber pendidikan yang menarik berdasarkan AI. Melalui inisiatif *Intel AI for Youth* pula, murid diperkenalkan kepada AI bagi meningkatkan pemahaman dan penggunaan teknologi AI dalam pembelajaran mereka melalui kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL).

Selain itu, KPM sedang giat melaksanakan aktiviti bengkel dalam talian dan pertandingan berkaitan penggunaan teknologi digital yang mengintegrasikan AI menerusi Program Pemerksaan Pendidikan Digital Murid. Pelbagai aktiviti yang turut melibatkan AI telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 seperti *Imagine Cup Junior*, *Digital Storytelling Animation*, dan *Minecraft Education Challenge*. Bahan dan pemakluman mengenai pertandingan yang dianjurkan boleh diakses melalui DELIMa. Selain itu aplikasi *Read Along* dalam DELIMa dapat membantu murid belajar membaca dengan cara yang interaktif dan menyeronokkan. Sehingga Oktober 2024, seramai 102,380 murid telah mengambil bahagian dan lebih kurang 30 ribu murid telah berjaya menerima sijil Aplikasi Kemahiran Digital (AKD), menunjukkan pencapaian cemerlang program ini dalam membantu

mereka menguasai kemahiran teknikal dan mempersiapkan mereka dengan kemahiran Abad ke-21.

Kejayaan inisiatif ini turut disokong oleh 411 orang Guru Peneraju Generasi Digital (GPGD), yang bertindak sebagai agen promosi dan pakar rujuk dalam pengintegrasian teknologi Google, Microsoft, dan Apple. GPGD mempunyai sekurang-kurangnya pensijilan Google Certified Educator Level 1/Level 2, Microsoft Innovative Educator Expert, atau pensijilan Apple Teacher dan dilantik oleh KPM untuk memastikan penggunaan teknologi digital dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam pendidikan. Mereka juga diberikan latihan *upskilling* dan *reskilling* oleh rakan perkongsian pintar seperti Microsoft, Google, dan Apple.

KPM juga giat melaksanakan beberapa siri Jerayawara Dasar Pendidikan Digital (DPD) dengan melaksanakan libat urus bersama-sama dengan pemegang taruh di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah. Ini bagi memastikan pengurusan perubahan berlaku di semua peringkat agar matlamat DPD untuk melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing tercapai.

KPM sentiasa komited untuk menambah baik sistem pembelajaran berasaskan teknologi dan digital secara berterusan bagi memastikan murid dapat menyesuaikan diri dan bersedia menghadapi cabaran dan peluang masa hadapan secara optimum terutama yang membabitkan teknologi pintar seperti AI.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah drastik Kerajaan untuk mengatasi fenomena air pasang besar yang berlaku pada setiap masa di penempatan nelayan yang tinggal di kualakuala seluruh negara yang merosakkan peralatan rumah mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek Mengatasi Masalah Fenomena Air Pasang Besar dan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri. Projek ini diluluskan dengan jumlah kos RM200 juta.

2. Pelaksanaan projek ini melibatkan lapan (8) buah negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Sebanyak 22 perolehan kerja dilaksanakan melibatkan skop utama seperti pembinaan ban dan struktur kawalan hakisan pantai sebagai langkah mitigasi bagi mengurangkan impak fenomena air pasang besar kepada penduduk di sekitar kuala-kuala sungai di negeri-negeri berkaitan. Sebanyak 18 perolehan sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada 2027. Manakala tiga (3) sedang dalam proses perolehan dan satu (1) lagi dalam proses pengambilan tanah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN
KU ISMAIL [KUBANG PASU]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status semasa dan langkah Kerajaan bagi menyelesaikan isu pindah milik tanah seluas 106.42 hektar di Jalan Tuanku Sultan Abdul Halim sungguh pun pihak Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Kerajaan bagi menangguhkan pindah milik kepada Semantan Estate (1952) Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat kes yang sedang melalui proses perbicaraan dengan tarikh mahkamah pada tahun 2025.
2. Kesemua kes tersebut dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara bagi pihak Pendaftar Hakmilik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Kerajaan Malaysia.
3. Untuk makluman jua, walau apapun perkembangan kes-kes tersebut, Kerajaan sedang giat menjalankan rundingan penyelesaian dengan pihak Pelikuidasi Semantan Estate bagi mencari kaedah dan jalan penyelesaian terbaik kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.